

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SYARIKAT HIKMAH FOOD SPECIALITIES SDN. BHD.

Oleh

ROFISHAH BINTI OTTHMAN  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005


1:272

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039392



LI 78 FPE 4 2005



1100039392  
Laporan akhir latihan industri di Syarikat Hikmah Food  
Specialities Sdn Bhd / Rofishah Othman.

**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100039392	

Lihat sebelah

**HAK MILIK**  
**PERPUSTAKAAN KUSTEM**

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SYARIKAT HIKMAH FOOD SPECIALITIES  
SDN. BHD.**

Oleh :

**ROFISHAH BINTI OTHMAN  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Pemasaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**2005**

**1100039392**

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya, Rofishah binti Othman, no.matrik UK 8151 mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani Latihan Industri di Syarikat Hikmah Food Specialities Sdn.Bhd. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,

  
Nama : Rofishah binti Othman

Tarikh : 20 November 2005

Disahkan Oleh :

  
Azlinzuraini Ahmad  
Penyayrah  
Jabatan Pengurusan dan Perisaraan  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)  
Bengkang Telipot  
Kuala Terengganu  
Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya, saya berjaya menyiapkan dan melengkapkan Laporan Latihan Industri. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas bantuan dan sokongan daripada semua pihak yang terlibat dan telah memberi kerjasama dalam menyiapkan laporan ini.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan khas dan teristimewa untuk pensyarah saya iaitu Cik Azlinzuraini Ahmad dari Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang banyak memberi tunjuk ajar yang profesional dalam menyiapkan laporan ini. Terima kasih sekali lagi kerana sentiasa bersedia untuk membantu apabila diperlukan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Syed Abdullah bin Haji Syed Hasani, Pengarah Urusan Syarikat Hikmah Food selaku penyelia industri kerana sudi memberi tunjuk ajar dan kerjasama sepanjang menjalani latihan praktikal di Syarikat Hikmah Food.

Tidak lupa juga kepada semua anggota Syarikat Hikmah Food yang telah banyak memberi maklumat serta komitmen dalam merealisasikan ilmu yang saya pelajari semasa menjalani latihan industri di Syarikat Hikmah Food. Semoga ia memberi sejuta manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

## **SELAYANG PANDANG.....**

Segala Puji-pujian bagi Allah s.w.t Pencipta Alam Semesta, selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga dan sahabat baginda.....

Jutaan terima kasih kepada bonda dan adinda tersayang kerana dengan doa kalian, laporan ini dapat disiapkan dengan sebaik-baiknya.....

Untuk teman-teman yang tersayang, terima kasih di atas dorongan dan pandangan yang telah diberikan.....

Akhir kata, segala yang baik itu datangnya daripada Allah s.w.t dan segala yang buruk itu adalah daripada kelelahan keihlafan diri saya sendiri.

Sekian terima kasih

wassalam

## **SENARAI ISI KANDUNGAN**

Mukasurat

Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Ringkasan Eksekutif	ix - x

## **BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI**

### 1.1 Pengenalan

1.1.1 Sejarah Ringkas Organisasi	1
1.1.2 Pemilikan	2
1.1.3 Tumpuan Pasaran	4
1.1.4 Unit / Jabatan	5
1.1.5 Pengurusan Saluran Syarikat Hikmah Food	8
1.1.6 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	12
1.2 Maklumat Organisasi	16
1.3 Struktur Organisasi	17
1.4 Aktiviti Organisasi	20
1.5 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	29

## BAB 2 MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

	Mukasurat
2.1 Sistem Permohonan Cuti	31
2.1.1 Sistem Sedia Ada	31
2.1.2 Mengenalpasti Masalah	32
2.1.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	33
2.1.4 Cadangan Penyelesaian	34
2.1.5 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	37
2.2 Sistem Kewangan	37
2.2.1 Sistem Sedia Ada	37
2.2.2 Mengenalpasti Masalah	38
2.2.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	39
2.2.4 Cadangan Penyelesaian	39
2.2.5 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	40
2.3 Sistem Trading	41
2.3.1 Sistem Sedia Ada	41
2.3.2 Mengenalpasti Masalah	45
2.3.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	46
2.3.4 Cadangan Penyelesaian	46
2.3.5 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	50

## **BAB 3 PENUTUP**

Mukasurat

3.1 Kesimpulan	52
----------------	----

## **LAMPIRAN**

## **SENARAI JADUAL**

Mukasurat

Jadual 1 . Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	30
--	----

## **SENARAI RAJAH**

Mukasurat

Gambarajah 1 : Kilang Syarikat Hikmah Food	1
Gambarajah 2 : Graf Jumlah Jualan Tahunan	3
Gambarajah 3 : Tumpuan Pasaran	5
Gambarajah 4 : Struktur Saluran Pengguna	9
Gambarajah 5 : Struktur Organisasi	19
Gambarajah 6 : (a) Mesin Pengadun	21
(b) Tempat Untuk Memasak Barang Yong Tau Foo	21
(c) Mesin Pengisar	22
(d) Mesin Pembentuk	22
Gambarajah 7 : Alatan Untuk Memproses Minuman Berasaskan Soya	23
Gambarajah 8 : Jenis-Jenis Barang Yong Tau Foo	25
Gambarajah 9 : Konsep Perlaksanaan Syarikat Hikmah Food	27
Gambarajah 10 : Carta Alir Sistem Permohonan Cuti	32
Gambarajah 11 : Carta Alir Sistem Kewangan	38
Gambarajah 12 : Carta Alir Sistem Trading (Barangan Yang Ditempah)	43
Gambarajah 13 : Carta Alir Sistem Trading (Barangan Yang Dihasilkan Sendiri)	44
Gambarajah 14 : (a) Sijil Pengesahan Halal	50
(b) Sijil Fakta Nutrisi	50

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah mewajibkan pelajar-pelajarnya untuk menjalani Latihan Industri selama 12 minggu. Tempat Latihan Industri yang telah dipilih adalah Syarikat Hikmah Food Specialities Sdn.Bhd. Syarikat Hikmah Food merupakan syarikat yang didaftarkan di dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Syarikat Hikmah Food juga merupakan syarikat yang mampu dan telah menunjukkan kejayaannya dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pembeli dan penggunanya. Oleh yang demikian, selama tiga bulan menjalani Latihan Industri di Syarikat Hikmah Food, pelbagai tunjuk ajar telah diperolehi antaranya ialah bagaimana untuk menjadi seorang pekerja yang melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi.

Bab pertama menerangkan tentang pengenalan iaitu sejarah ringkas organisasi, pemilikan, tumpuan pasaran, unit/jabatan, pengurusan saluran Syarikat Hikmah Food, dan juga pendekatan untuk memajukan organisasi. Selain daripada itu ialah, maklumat organisasi, struktur organisasi, aktiviti organisasi, dan juga kemahiran yang ingin dipelajari.

Bab dua pula menerangkan tentang sistem sedia ada, pengenalpastian masalah, rumusan analisis dan perbincangan, cadangan penyelesaian, dan perlaksanaan cadangan dan implikasi. Terdapat beberapa penemuan masalah di dalam ketiga-tiga sistem yang telah dikenalpasti iaitu masalah di dalam sistem permohonan cuti, sistem kewangan, dan sistem trading.

Dalam sistem permohonan cuti, Syarikat Hikmah Food mengalami masalah di dalam sistem cuti yang digunakan sekarang. Terdapat pekerja yang tidak memahami prosedur pengambilan cuti pekerja. Langkah penyelesaian untuk menangani masalah ini ialah, pihak pengurusan perlu menyalurkan maklumat kepada pekerja tentang kepentingan cuti. Selain daripada itu, pihak pengurusan boleh menggalakkan pekerja supaya datang bekerja melalui pemberian ganjaran dan faedah kepada pekerja yang mempunyai rekod kehadiran yang baik. Kesannya, produktiviti akan meningkat dan pekerja akan lebih bersemangat dan lebih terdorong untuk datang bekerja.

Sistem yang kedua ialah sistem kewangan. Syarikat Hikmah Food menggunakan program perakaunan perisian UBS (*Ultimate Business Solution*) untuk penyediaan laporan tahunan kewangan syarikat. Program perakaunan perisian UBS kadang-kadang menimbulkan masalah kepada pekerja pengurusan untuk mengemaskini data sekiranya salah memasukkan data dan mengambil masa yang panjang untuk diperbetulkan. Pekerja pengurusan juga sukar untuk mendapatkan khidmat bantuan daripada pengeluar perisian tersebut. Bilangan pekerja pengurusan yang sedia ada tidak mencukupi menyebabkan berlakunya pertindihan kerja. Untuk

mengatasi masalah ini, Syarikat Hikmah Food perlu memberi latihan dan pendedahan kepada pekerja pengurusan supaya masalah yang wujud dapat diatasi dengan kadar segera. Bilangan pekerja di bahagian pengurusan perlu ditambah agar tidak berlaku pertindihan kerja.

Di dalam sistem trading pula, Syarikat Hikmah Food mempunyai masalah untuk meyakinkan pengguna tentang status halal produk walaupun terdapat pengesahan halal, pembeli masih berasa was-was dan ragu-ragu dengan tahap kebersihan dan status halal produk kerana kesemua barang yang ditempah diperolehi daripada pengeluar bukan bumiputera. Sebagai cadangan penyelesaian, Syarikat Hikmah Food mestilah cuba mencipta sendiri produk yang ditempah. Selain daripada itu, syarikat ini perlu menujuhkan rangkaian outlet pengedaran supaya konsep 'Halal Dan Enak' dapat diterapkan kepada pelanggan.

Sepanjang menjalani Latihan Industri ini, pelatih juga didedahkan kepada beberapa pendekatan supaya segala tugas yang diberikan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Salah satu pendekatan yang sering dilakukan adalah pelatih akan diberikan taklimat mengenai tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Pelatih diberi kepercayaan dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberi. Daripada tugas yang dijalankan, pelatih telah mendapat pelbagai maklumat dan pandangan yang berkaitan sama ada daripada anggota Hikmah Food maupun pembelinya.

Bab ketiga merupakan rumusan terhadap laporan industri yang merangkumi pendekatan yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Syarikat Hikmah Food.